

## **SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN KEHILANGAN PENDAPATAN (BKP)**

### **A. Pengenalan Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP)**

**1. S: Apakah Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP)?**

J: Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP) adalah bantuan tunai yang disediakan oleh Kerajaan sebagai inisiatif bantuan yang akan disalurkan kepada pekerja yang kehilangan pendapatan tanpa had umur.

**2. S: Siapakah yang layak menerima BKP?**

J: Kategori penerima yang layak menerima BKP adalah berdasarkan data Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

**3. S: Adakah perlu membuat permohonan bagi mendapatkan BKP?**

J: Permohonan tidak perlu dibuat kerana semakan kelayakan akan dibuat berdasarkan data Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

**4. S: Apakah kriteria kelayakan BKP?**

J: Kriteria kelayakan BKP adalah berdasarkan data caruman KWSP dan PERKESO seperti berikut:

- i. Mempunyai caruman KWSP / PERKESO sekurang-kurangnya 6 bulan pada tahun 2020; dan
- ii. Tiada caruman sekurang-kurangnya selama 3 bulan berturut-turut sehingga 30 Jun 2021 (Caruman April, Mei, Jun 2021).

**5. S: Berapakah bayaran BKP yang akan diterima?**

J: Bayaran BKP yang akan diterima adalah sebanyak RM500 secara *one-off*.

## **B. Pembayaran Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP)**

### **6. S: Bilakah tarikh pembayaran BKP akan dibuat?**

J: Pembayaran BKP dibuat seperti berikut:

- i. Pengkreditan ke akaun bank – **Mulai 26 Oktober 2021** secara berperingkat.
- ii. Penunaian di Kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) – **Mulai 28 Oktober 2021.**

Pemakluman pembayaran BKP juga akan dibuat melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) berdasarkan nombor telefon bimbit yang telah didaftarkan.

### **7. S: Bagaimanakah kaedah bayaran ini dilaksanakan?**

J: Pembayaran dibuat berdasarkan kaedah pembayaran seperti berikut:

#### **i. Pengkreditan ke akaun bank**

Pembayaran berdasarkan maklumat akaun bank yang dilaporkan pada BPR / BKC / GKP sekiranya penerima turut menerima bantuan berkenaan atau berdasarkan Akaun Bank BSN yang berstatus aktif.

#### **ii. Tunai di Kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN)**

Tidak melaporkan maklumat akaun bank semasa permohonan BPR / BKC / GKP atau Tidak mempunyai akaun bank BSN yang berstatus aktif.

## **C. Semakan status**

### **8. S: Bila dan bagaimana semakan status BKP boleh dibuat?**

J: Semakan status BKP boleh dibuat di Portal Rasmi BKP (<https://bkp.hasil.gov.my>) mulai 26 Oktober 2021.

## **D. Maklumat Wakil**

### **9. S: Siapakah wakil yang dibenarkan atau layak untuk membuat penunaian BKP?**

J: Wakil yang layak adalah:

- i. Wakil yang didaftarkan pada Permohonan BPR / BKC sekiranya penerima turut menerima bantuan berkenaan; atau
- ii. Sekiranya maklumat wakil belum didaftarkan, pendaftaran wakil boleh dibuat di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

**10. S: Siapakah wakil yang layak didaftarkan bagi penunaian BKP?**

J: Wakil yang layak didaftarkan bagi penunaian BKP adalah seperti berikut:

- i. Pasangan
- ii. Ibu
- iii. Bapa
- iv. Anak
  - Anak Kandung
  - Anak Tiri
  - Anak Angkat
- v. Adik-Beradik
- vi. Cucu

**11. S: Apakah dokumen yang perlu dibawa oleh wakil semasa penunaian BKP di BSN?**

J: Dokumen yang perlu dibawa oleh wakil yang didaftarkan adalah:

- i. Kad pengenalan lama atau baru (asal atau salinan) pemohon; dan
- ii. Kad Pengenalan / Pasport asal wakil; dan
- iii. Dokumen pembuktian pertalian antara pemohon dan wakil (asal atau salinan);

Bil.	Hubungan Wakil	Dokumen Pengesahan Pertalian
1.	Ibu / Bapa	Sijil Kelahiran pemohon
2.	Pasangan	a. Sijil Perkahwinan; <b>ATAU</b> b. Sijil Lahir Anak
3.	Anak	Sijil Kelahiran Wakil (Anak)
4.	Anak Angkat	a. Sijil Anak Angkat yang dikeluarkan oleh JPN; <b>ATAU</b> b. Pengesahan Agensi Kerajaan (jika pemohon tiada Sijil Anak Angkat) iaitu: i. Mahkamah; atau ii. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
5.	Anak Tiri	a. Sijil Lahir Wakil (Anak Tiri); <b>DAN</b> b. Sijil Perkahwinan Ibu / Bapa Tiri
6.	Adik Beradik	a. Sijil Kelahiran Pemohon; <b>DAN</b> b. Sijil Kelahiran Wakil
7.	Cucu	a. Sijil Kelahiran Wakil (Cucu); <b>DAN</b> b. Sijil Kelahiran Ibu / Bapa kepada Wakil

iv. Dokumen tambahan mengikut situasi pemohon yang tidak hadir untuk penunaian:

- a. Surat Pengesahan Penjara / Pusat Serenti (salinan atau asal) jika penerima berada di penjara atau Pusat Serenti; atau
  - Tempoh masa Surat Pengesahan:

- Terdapat paparan tarikh masuk dan keluar penjara; atau
  - Sekiranya tiada tarikh masuk keluar penjara, Surat Pengesahan Penjara yang dikeluarkan berkenaan mesti bertarikh tahun semasa.
- b. Surat Pengesahan Majikan yang mempunyai tarikh mula dan tamat bertugas sebagai yang menunjukkan bukti penerima berada diluar negara; atau
  - c. Surat pengesahan hospital jika pemohon menerima rawatan di hospital; atau
  - d. Surat pengesahan yang menunjukkan pemohon uzur atau tidak berdaya untuk bergerak; atau
  - e. Kad OKU
12. **S: Bolehkah saya menjadi wakil untuk membuat penunaian BKP bagi pemohon yang bekerja / belajar / menetap / dipenjarakan / meninggal dunia di luar negara semasa tempoh pembayaran?**
- J: Tidak. Bagi individu yang bekerja / belajar / menetap / dipenjarakan / meninggal dunia di luar negara tidak layak untuk menerima BKP.

#### **E. Hal-hal lain**

13. **S: Saya telah menerima bayaran dan ingin menolak bantuan BKP. Bagaimanakah cara untuk memulangkan bayaran BKP yang telah diterima?**
- J: Tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:
- i. Mengemukakan surat kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dengan menyatakan nama penuh, nombor MyKad / Nombor Pengenalan, alamat surat menyurat dan sebab pemulangan; dan
  - ii. Lampirkan draf bank / cek yang mengandungi jumlah bayaran atas nama **Akauntan Negara Malaysia** (mengikut jumlah pemulangan); dan
  - iii. Surat dan draf bank / cek perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan Malaysia di alamat berikut:  
**Pejabat Belanjawan Negara**  
**Kementerian Kewangan Malaysia**  
**Presint 2 62592 Putrajaya**